

**Parlimen: Khidmat FBC Media Berkesan Peningkat Imej Malaysia
Bernama
2 November , 2011**

KUALA LUMPUR, 2 Nov (Bernama) -- Langkah menggunakan khidmat FBC Media, sebuah agensi media berpangkalan di United Kingdom (UK) bagi menaikkan imej Malaysia, memberi kesan positif terhadap hubungan Malaysia dengan negara luar, Dewan Rakyat diberitahu Rabu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz berkata sejak Malaysia menggunakan khidmat agensi itu pada 2007 sehingga tahun lepas, sambutan yang diberikan kepada pemimpin Malaysia di luar negara adalah lebih baik.

"Sejak kita guna FBC ini kita telah nampak peningkatannya dari segi penerimaan pemimpin-pemimpin negara Barat terhadap kepimpinan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak) kita, sememangnya layanan itu kita nampak adalah jauh lebih baik jika dibandingkan pada masa lepas," katanya ketika menjawab soalan tambahan Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) semasa sesi soal jawab.

Beliau berkata apa yang penting sekarang ialah semua pihak tidak mensabotaj usaha kerajaan, dan sama-sama menaikkan imej negara tidak kira oleh pihak kerajaan mahupun pembangkang.

Menjawab soalan tambahan Dr Mohd Hatta Ramli (PAS-Kuala Krai) yang ingin tahu berkenaan agensi media berkenaan yang dikatakan menghadapi masalah dengan pihak berkuasa UK, Nazri berkata apa yang berlaku kepada mereka tidak memberi kesan kepada negara.

"Saya difahamkan ia lebih menyerupai 'conflict of interest', beberapa perkara yang patut diisytiharkan tapi syarikat itu telah gagal isytiharkan, ini lebih kepada perkara melanggar peraturan UK, dia tidak ada kena mengena dengan perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai jenayah yang boleh menjejaskan kepenggunaan kita dengan FBC," katanya.

Nazri memaklumkan untuk tempoh penggunaan FBC Media selama tiga tahun sejak tahun 2007, negara telah membayar sejumlah Euro16.9 juta (RM84,195,158.70).

Sementara itu menjawab soalan John Fernandez (DAP-Seremban) yang ingin tahu berkenaan kos dan objektif lawatan rasmi dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke Turkmenistan pada 11 Julai lalu, beliau berkata kerajaan membelanjakan sebanyak RM323,268.19.

"Lawatan PM ke Turkmenistan adalah atas jemputan Presiden Turkmenistan, lawatan itu antara lain untuk perkukuhkan komitmen Malaysia dan negara itu dalam meningkatkan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang.

"Amat jelas bahawa lawatannya telah mencapai objektif apabila lima dokumen kerjasama telah ditandatangani semasa lawatan," katanya.

Beliau berkata lawatan Perdana Menteri ke Turkmenistan juga menyaksikan perasmian Terminal pertama gas Petronas di sana di samping pembukaan Kedutaan Besar Malaysia di

Ashgabad, ibu negara Turkmenistan.

---BERNAMA

Copyright © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=624211>